



## Perkhidmatan pengurusan pampasan dan kecederaan

# LEMBARAN FAKTA

### WorkCover WA di Wilayah Lautan Hindi

WorkCover WA menyediakan empat perkhidmatan bagi pihak Kerajaan Australia kepada Wilayah Lautan Hindi:

- Penyelesaian Pertikaian: WorkCover WA boleh membantu menyelesaikan pertikaian majikan dan pekerja tentang tuntutan pampasan pekerja.
- Kepatuhan: WorkCover WA memastikan semua orang memenuhi tanggungjawab mereka berkaitan pengurusan pampasan dan kecederaan pekerja.
- Peraturan: WorkCover WA mengawasi penyedia perkhidmatan yang terlibat dalam urusan pampasan pekerja, daripada tuntutan sehingga penyelesaian.
- Pendidikan: WorkCover WA menyediakan peluang pendidikan orang ramai tentang skim pampasan pekerja.

### Apakah ertinya bagi saya?

WorkCover WA boleh menasihati anda tentang hak dan tanggungjawab anda di bawah [Workers' Compensation and Injury Management Act 1981](#).



Untuk melindungi majikan dan pekerja, majikan perlu, menurut undang-undang, melindungi semua pekerja mereka dengan insurans pampasan pekerja. Kategori pekerja termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- pekerja sepenuh masa yang dibayar upah atau gaji;
- pekerja separuh masa, sambilan dan bermusim;
- kontraktor dan subkontraktor;
- ahli keluarga yang bekerja dalam perniagaan; dan
- orang yang dibayar mengikut komisen.

WorkCover WA memberi nasihat tentang cara majikan boleh mendapatkan insurans pampasan pekerja dan menyokong seorang pekerja sekiranya cedera di tempat kerja.

### Untuk mendapatkan penerangan lanjut

Cara menghubungi	Butir-butir hubungan
Talian nasihat dan bantuan	1300 794 744
Nasihat dan bantuan bagi mereka yang ada gangguan pendengaran	08 9388 5537
Laman web	<a href="http://www.workcover.wa.gov.au">www.workcover.wa.gov.au</a>